PENYATA PERLINDUNGAN DATA

Kumpulan Coface (“**Kumpulan**”) merupakan penyedia global insurans kredit, pemfaktoran, bon jaminan, maklumat perniagaan dan perkhidmatan kutipan hutang.

Kumpulan ini berperanan dan memudahkan penyelesaian dalam pasaran perdagangan antara perniagaan (B2B). Ianya secara langsung dan tidak langsung melalui rakan kongsi di 100 negara, serta menyediakan sokongan kepada pelanggan di lebih daripada 200 negara.

Ia menjalankan aktivitinya melalui anak syarikat operasi utamanya, Compagnie française d’assurance pour le commerce extérieur* dan sekutunya (“Coface”). Dalam rangka aktiviti kami, kami terutamanya mengumpul dan memproses data tentang syarikat, perniagaan dan pedagang. Walau bagaimanapun, sebagai sebahagian daripada aktiviti kami, kami juga memproses data yang boleh dikelaskan sebagai "Data Peribadi" mengikut Peraturan Perlindungan Data Umum EU (“GDPR”), apabila maklumat yang dikumpul berkaitan dengan individu (cth. pengurus syarikat, pedagang tunggal, pemilik benefisial atau mana-mana orang hubungan profesional). Coface bertindak sebagai "**Pengawal Data**" dalam penyediaan produk dan perkhidmatannya. Ini bermaksud Coface ialah sebuat entity sah yang mengawal Data Peribadi yang dikumpulkannya. Oleh itu, Coface perlu, selaras dengan peruntukkan undang-undang, untuk memastikan dasar, proses dan prosedur yang sesuai diwujudkan bagi melindungi data tersebut serta menghormati hak pemilik data peribadi yang dikumpulkan.

Kami komited untuk melindungi Data Peribadi yang kami kumpul dan proses melalui dasar, kawalan dan pengawasan pematuhan yang ketat bagi memastikan data disimpan dan digunakan dengan sewajarnya. Keyakinan anda terhadap pengendalian data yang selamat dan profesional amat penting bagi kami.

Kami komited untuk memproses Data Peribadi anda secara selamat dan berhati-hati, serta dengan cara yang adil dan telus.

Penyata Perlindungan Data ini menerangkan tujuan dan asas pemprosesan Data Peribadi, kategori Data Peribadi yang terlibat, kategori sumber dan penerima Data Peribadi, tempoh penyimpanan data serta hak-hak anda sebagai "**Subjek Data**", bergantung kepada situasi anda, iaitu sama ada anda adalah:

- Pelawat laman web – Bab I

- Prospek atau penerima tawaran komersial atau maklumat komersial – Bab II
- Pelanggan, Broker, Penjamin, Rakan Perniagaan atau Pembekal – Bab III
- Penghutang, Pembeli atau Benefisiari (dalam hubungan kontraktual atau perundangan yang berpotensi atau sedia ada dengan salah seorang pelanggan kami) – Bab IV

Di samping itu, kami juga menyampaikan kepada anda, sebagai pemilik data, maklumat berkenaan perkara berikut:

- Adakah kami memindahkan Data Peribadi anda ke luar Kawasan Ekonomi Eropah (EEA)? – Bab V
- Bagaimanakah kami melindungi Data Peribadi anda? – Bab VI
- Apakah hak anda sebagai seorang pemilik data peribadi, dan bagaimana anda boleh menghubungi kami? – Bab VII

Sila ambil maklum bahawa kami sentiasa berusaha untuk menambah baik perkhidmatan dan proses kami bagi melindungi Data Peribadi anda. Oleh itu, Penyata Perlindungan Data ini mungkin dikemaskini dari semasa ke semasa. Anda dialu-alukan untuk merujuk laman web kami bagi mendapatkan versi terkini Penyata Perlindungan Data ini. Anak syarikat atau cawangan Coface juga mungkin mempunyai notis privasi tambahan di laman web tempatan masing-masing.

Penyata Perlindungan Data ini telah dikemas kini pada **14 September 2022**.

BAB I – ANDA ADALAH PELAWAT LAMAN WEB

Kaedah Pengumpulan Data Peribadi

Kami mengumpul Data Peribadi yang anda berikan kepada kami apabila anda, sebagai contoh, mendaftar untuk perkhidmatan kami melalui laman web, mengisi Data Peribadi ke dalam borang hubungan dalam talian kami dan/atau mengaktifkan pilihan langganan surat berita (newsletter).

Kami mengesahkan bahawa pemberian Data Peribadi dalam konteks tersebut adalah secara sukarela dan ia tidak tertakluk kepada keperluan berkanun, keperluan kontraktual atau keperluan untuk memeterai sebarang kontrak.

Kategori Data Peribadi

Kami mungkin memproses pelbagai jenis Data Peribadi yang anda berikan kepada kami, seperti nama, alamat and nombor telefon pekerjaan, alamat e-mel peribadi atau tempat kerja, serta maklumat lain yang diberikan semasa pendaftaran bagi produk atau perkhidmatan kami.

Tujuan dan Asas Undang-undang

Kami mengumpul dan memproses Data Peribadi anda berdasarkan persetujuan anda, untuk:

- Menyediakan produk dan perkhidmatan kami;
- Mengoptimumkan tawaran perniagaan kami untuk anda;
- Mengekalkan hubungan komunikasi dengan anda;
- Mengendalikan sebarang aduan atau pertikaian.

Hak Untuk Menarik Balik Persetujuan

Anda berhak menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa dengan menghubungi alamat yang sama yang telah digunakan untuk menghubungi anda.

Penerima Data Peribadi Yang Dikumpulkan

Bagi memenuhi tujuan yang dinyatakan di atas, Data Peribadi anda boleh didedahkan kepada mana-mana entiti dalam Kumpulan, rakan perniagaan kami dan penyedia perkhidmatan kami.

Tempoh Penyimpanan Data Peribadi

- **Data hubungan surat berita (e-mel):**
  Kami menyimpan data anda selagi anda tidak menarik balik persetujuan atau menggunakan hak anda untuk membantah pemprosesan data.
- **Data yang diisi ke dalam borang hubungan:**
  Kami akan memadamkan Data Peribadi anda serta-merta apabila menerima permintaan penarikan balik persetujuan atau bantahan, atau sekiranya terdapat tempoh tidak aktif berterusan selama dua (2) tahun (iaitu sekiranya anda tidak memberikan sebarang maklum balas atau tidak mengemukakan permintaan baharu).

Kuki, Data Statistik dan Data Sambungan

Jika anda merupakan pelawat laman web kami, matlamat kami adalah untuk memaklumkan secara jelas dan telus mengenai Data Peribadi yang kami kumpul dan gunakan berkaitan dengan anda.

Dalam kebanyakan keadaan, dan bergantung kepada tetapan peribadi serta persetujuan yang diberikan, laman web kami menggunakan kuki kekal (persistent cookies) dan kuki sesi (session cookies). Kadangkala kami juga menggunakan teknologi piksel, teknologi storan tempatan atau teknologi serupa seperti ID pengiklanan dan tag.

Memandangkan laman web Coface tempatan mungkin berbeza dari segi tetapan kuki dan statistik yang digunakan, kami mengesyorkan agar anda membaca Dasar Kuki semasa di laman web tempatan berkenaan.

Di sana, anda boleh melihat senarai lengkap dan penerangan terperinci mengenai tetapan dan aktiviti yang dijalankan, serta pautan tetap yang boleh digunakan untuk menetapkan dan mengubah keutamaan serta persetujuan anda pada bila-bila masa.

BAB II – ANDA ADALAH PROSPEK ATAU PENERIMA TAWARAN KOMERSIAL ATAU MAKLUMAT KOMERSIAL

Kaedah Pengumpulan Data

Kami mengumpul data hubungan perniagaan daripada:

- Pelanggan, broker, ejen atau rakan kongsi lain yang memperkenalkan anda kepada kami, atau kepada siapa anda telah memberikan persetujuan untuk berkongsi Data Peribadi anda dengan kami;
- Sumber yang tersedia kepada umum (internet, daftar perdagangan), termasuk melalui penggunaan teknologi pengimbasan internet yang berkelayakan;
- Pangkalan data pelanggan kami sendiri;
- Data hubungan yang diterima secara langsung daripada anda.

Kategori Data Peribadi

Kami mungkin memproses pelbagai jenis Data Peribadi seperti nama, alamat tempat kerja, nombor telefon tempat kerja, alamat e-mel tempat kerja, atau maklumat lain seperti pengelasan industri yang didapati melalui sumber dari mana Data Peribadi tersebut diperoleh.

Tujuan dan Asas Undang-undang

Kami mengumpul dan memproses Data Peribadi anda berdasarkan persetujuan anda atau kepentingan sah kami untuk:

- Mengekalkan hubungan dengan anda bagi memaklumkan kepada anda mengenai produk dan perkhidmatan kami (termasuk yang baharu);
- Menganjurkan aktiviti promosi dan acara perniagaan;
- Menganalisis keperluan perniagaan dan persekitaran perniagaan anda serta mengoptimumkan produk dan tawaran kami untuk anda.

Hak Untuk Menarik Balik Persetujuan

Anda berhak menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa dengan menghubungi alamat yang sama yang telah digunakan untuk menghubungi anda.

Penerima Data Peribadi Yang Dikumpulkan

Bagi memenuhi tujuan yang dinyatakan di atas, Data Peribadi anda boleh didedahkan kepada mana-mana entiti dalam Kumpulan dan rakan perniagaan kami (sekiranya data tersebut tersedia secara umum).

Tempoh Penyimpanan Data Peribadi

Kami akan memadamkan Data Peribadi anda serta-merta:

- Apabila menerima penarikan balik persetujuan atau bantahan; atau
- Sekiranya terdapat tempoh tidak aktif berterusan selama dua (2) tahun.

BAB III – ANDA ADALAH PELANGGAN, BROKER, PENJAMIN, RAKAN PERNIAGAAN ATAU PEMEKAL

Kaedah Pengumpulan Data Peribadi

Secara utama, kami mengumpul Data Peribadi anda dengan meminta anda melengkapkan borang (dokumen elektronik, dokumen kertas atau melalui kemasukan data ke dalam platform pelanggan kami).

Kami juga boleh mengumpul data anda daripada sumber berikut:

- Syarikat lain dalam Kumpulan, cawangan, syarikat bersekutu atau rakan perniagaan;
- Sumber yang tersedia kepada umum;
- Pembekal maklumat/data.

Sila ambil maklum bahawa penyediaan data yang kami minta secara langsung daripada anda adalah penting dan merupakan prasyarat mandatori untuk pelaksanaan kontrak, pewujudan data induk dalam sistem kami serta pematuhan terhadap keperluan undang-undang berkaitan pencegahan pengubahan wang haram dan pengurusan risiko.

Kategori Data Peribadi

Kami mungkin memproses pelbagai jenis Data Peribadi seperti berikut:

- Maklumat mengenai syarikat anda yang boleh dianggap sebagai Data Peribadi di mana ia mengandungi maklumat berkaitan individu tertentu (contohnya pemilik tunggal, pengarah, pemilik benefisial, pemegang saham, benefisiari atau individu yang menjadi wakil hubungan profesional).
- Maklumat hubungan dan maklumat pengenalan diri seperti nama, gelaran, jawatan, nombor telefon perniagaan, alamat perniagaan, alamat e-mel perniagaan, negara, tempat dan tarikh lahir, maklumat dokumen pengenalan diri serta nama entiti.
- Sekiranya anda bukan sebuah syarikat, maklumat berikut juga boleh dianggap sebagai data berkaitan individu: nombor akaun bank peribadi, nombor pengenalan jualan atau cukai, sejarah tuntutan, butiran kontrak dan maklumat kewangan lain.

Tujuan dan Asas Undang-undang

Kami mengumpul dan memproses Data Peribadi anda berdasarkan:

a) Penyediaan atau Pelaksanaan Kontrak Dengan Anda

Untuk menawarkan, melaksanakan dan menyediakan perkhidmatan kepada anda serta memenuhi komitmen kami di bawah kontrak berkaitan produk dan perkhidmatan tersebut. Ini termasuk:

- Komunikasi perniagaan dengan anda;
- Pemprosesan transaksi;
- Penilaian risiko dan perlindungan insurans perdagangan;
- Pengurusan tuntutan;
- Prosedur pemulihan hutang;
- Penyediaan produk dan perkhidmatan pengurusan kredit dan risiko;
- Perkhidmatan sokongan pelanggan;
- Pelaksanaan aktiviti kutipan hutang;
- Pengendalian aduan;

- Penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan tuntutan undang-undang.

b) Kepentingan Sah Kami

Untuk:

- Melaksanakan tujuan komersial;
- Menambah baik produk dan perkhidmatan berkaitan insurans kredit, pemfaktoran, bon jaminan, maklumat perniagaan dan aktiviti kutipan hutang kami;
- Menjalankan analisis statistik dan penyelidikan pasaran.

c) Pematuhan Terhadap Kewajipan Undang-undang

Untuk:

- Mematuhi undang-undang atau arahan pihak berkuasa kerajaan;
- Mematuhi kewajipan di bawah undang-undang atau peraturan berkaitan;
- Mematuhi kod amalan atau garis panduan industri, sektor atau kawal selia yang berkaitan.

Ini termasuk:

- Pelaksanaan program “Kenali Pelanggan Anda” (Know Your Customer – KYC);
- Program “Kenali Pembekal Anda”;
- Pencegahan penipuan;
- Pencegahan pembiayaan keganasan;
- Pencegahan pengubahan wang haram;
- Semakan senarai sekatan;
- Pemeriksaan pematuhan lain yang berkaitan.

Di samping itu, kami memproses data bagi melindungi kepentingan kami daripada aktiviti penipuan serta bagi memenuhi keperluan undang-undang seperti undang-undang pencegahan pengubahan wang haram dan keperluan pematuhan lain.

Hak Untuk Menarik Balik Persetujuan

Anda berhak menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa dengan menghubungi alamat yang sama yang telah digunakan untuk menghubungi anda.

Penerima Data Peribadi Yang Dikumpulkan

Bagi memenuhi tujuan yang dinyatakan di atas, Data Peribadi anda boleh didedahkan kepada:

- Mana-mana entiti dalam Kumpulan;
- Agensi pencegahan dan pengesanan penipuan atau jenayah;
- Rakan perniagaan;
- Penanggung insurans semula (reinsurers);
- Bank;
- Juruaudit luar;
- Peguam;
- Agensi kutipan hutang.

Tempoh Penyimpanan Data Peribadi

Sekiranya kami memproses Data Peribadi anda bagi tujuan pelaksanaan kontrak, tempoh penyimpanan bergantung kepada tempoh kontrak berkenaan serta tempoh penyimpanan yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan yang berkaitan.

Sekiranya kami memproses Data Peribadi anda bagi tujuan pencegahan penipuan, kami akan menyimpan Data Peribadi yang berkaitan untuk tempoh yang munasabah selagi penyimpanan data tersebut dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada usaha pencegahan penipuan.

Sekiranya kami memproses Data Peribadi bagi memenuhi kewajipan undang-undang berkaitan pencegahan pengubahan wang haram, pencegahan keganasan dan seumpamanya, tempoh penyimpanan akan bergantung kepada keperluan undang-undang yang berkenaan.

Sekiranya kami memproses Data Peribadi anda bagi aktiviti komersial, kami akan memadamkan Data Peribadi anda:

- Apabila menerima penarikan balik persetujuan atau bantahan; atau
- Selepas tempoh tidak aktif berterusan selama dua (2) tahun (sekiranya anda tidak memberikan sebarang maklum balas atau tidak mengemukakan sebarang permintaan baharu).

BAB IV – ANDA MEMPUNYAI HUBUNGAN PERNIAGAAN YANG BERPOTENSI ATAU SEDIA ADA DENGAN SALAH SEORANG PELANGGAN KAMI (SEBAGAI "PENGHUTANG", "PEMBELI" ATAU "BENEFISIARI")

Kaedah Pengumpulan Data Peribadi

Secara utama, kami menerima Data Peribadi anda daripada pelanggan kami.

Kami juga mengumpul Data Peribadi anda daripada:

- Pembekal maklumat (agensi kredit, syarikat semakan alamat dan syarikat maklumat kewangan);
- Sumber yang tersedia kepada umum (termasuk daftar perdagangan);
- Anda sendiri, sekiranya anda menghubungi kami;
- Penyelidikan yang dijalankan oleh kami;
- Rakan kongsi.

Melainkan jika anda memberikan maklumat tersebut secara langsung kepada kami, semua pengumpulan data yang disebutkan di atas melibatkan data yang tidak diperoleh secara terus daripada anda.

Kategori Data Peribadi

Maklumat mengenai syarikat anda yang boleh dianggap sebagai Data Peribadi setakat mana ia mengandungi maklumat berkaitan individu tertentu (contohnya pemilik tunggal, pengarah, pemilik benefisial, pemegang saham, benefisiari atau wakil hubungan profesional).

Maklumat hubungan dan pengenalan diri seperti:

- Nama;
- Gelaran;
- Jawatan;
- Nombor telefon perniagaan;
- Alamat e-mel perniagaan;
- Alamat perniagaan;
- Negara;
- Tarikh dan tempat lahir;
- Maklumat dokumen pengenalan diri;
- Nama entiti.

Sekiranya anda bukan sebuah syarikat, kami juga boleh memproses nombor akaun bank peribadi, nombor pengenalan cukai jualan, sejarah tuntutan, butiran perjanjian dengan anda dan maklumat kewangan.

Tujuan dan Asas Undang-undang

Kami mengumpul dan memproses Data Peribadi anda berdasarkan:

a) Kepentingan Sah Kami

Bagi melaksanakan dan menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan perjanjian yang kami miliki dengan pelanggan kami. Ini termasuk:

- Pemprosesan transaksi;
- Pelaksanaan aktiviti kutipan hutang;
- Pengendalian aduan;
- Penilaian risiko dan perlindungan insurans perdagangan;
- Pengurusan tuntutan;
- Prosedur pemulihan hutang;

- Penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan tuntutan undang-undang.

Anda merupakan pihak ketiga dalam suatu hubungan ekonomi berbentuk segitiga. Oleh itu, pemprosesan data anda adalah penting untuk membolehkan kami memenuhi tujuan kontrak yang sah seperti insurans kredit, kutipan hutang atau pemfaktoran.

b) Persetujuan

Apabila anda menghubungi kami dan secara sukarela memberikan atau menghantar kepada kami maklumat yang berkaitan dengan kredit.

Penerima Data Peribadi Yang Dikumpulkan

Bagi memenuhi tujuan yang dinyatakan di atas, Data Peribadi anda boleh didedahkan kepada:

- Mana-mana entiti dalam Kumpulan;
- Agensi pencegahan dan pengesanan penipuan atau jenayah;
- Rakan perniagaan;
- Penanggung insurans semula;
- Bank;
- Juruaudit luar;
- Peguam;
- Agensi kutipan hutang.

Tempoh Penyimpanan Data Peribadi

Sekiranya kami memproses Data Peribadi anda bagi tujuan pelaksanaan sesuatu kontrak (di mana anda merupakan pihak ketiga dalam hubungan ekonomi berbentuk segitiga), tempoh penyimpanan bergantung kepada tempoh kontrak tersebut dan tempoh penyimpanan yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan yang berkaitan.

Sekiranya kami memproses Data Peribadi anda bagi tujuan pencegahan penipuan, kami akan menyimpan Data Peribadi yang berkaitan untuk tempoh yang munasabah selagi penyimpanan tersebut memberi sumbangan yang signifikan kepada usaha pencegahan penipuan.

Sekiranya kami memproses Data Peribadi anda bagi memenuhi kewajipan undang-undang berkaitan pencegahan pengubahan wang haram, pencegahan keganasan dan perkara berkaitan, tempoh penyimpanan akan bergantung kepada keperluan undang-undang yang berkenaan.

BAB V – ADAKAH KAMI MEMINDAHKAN DATA PERIBADI ANDA KE LUAR KAWASAN EKONOMI EROPAH (EEA)?

Konteks ekonomi global serta sifat antarabangsa perkhidmatan dan produk kami bermaksud data boleh diakses di luar Kawasan Ekonomi Eropah ("EEA") melalui anak syarikat, cawangan dan rakan kongsi global kami sekiranya akses tersebut diperlukan dan mempunyai asas undang-undang yang sah.

Sekiranya berkenaan, kami telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah sebelum memindahkan Data Peribadi anda ke negara di luar EEA yang tidak menyediakan tahap perlindungan yang mencukupi menurut undang-undang perlindungan data yang terpakai. Langkah-langkah tersebut termasuk penggunaan Klausa Kontrak Standard (Standard Contractual Clauses) yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya Eropah.

BAB VI – BAGAIMANAKAH KAMI MELINDUNGI DATA PERIBADI ANDA?

Kami komited untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda dilindungi. Bagi mengelakkan akses tanpa kebenaran, penggunaan yang tidak dibenarkan atau pendedahan yang tidak sah, kami telah melaksanakan langkah-langkah keselamatan fizikal, teknikal dan organisasi yang sewajarnya untuk melindungi Data Peribadi yang kami kumpul dan proses.

BAB VII – APAKAH HAK PRIVASI DATA ANDA DAN BAGAIMANAKAH ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI?

Sebagai Subjek Data, anda mempunyai hak untuk mengakses Data Peribadi yang disimpan mengenai anda dan, tertakluk kepada pemenuhan keperluan undang-undang yang berkaitan, anda juga berhak untuk:

- Membantah pemprosesan Data Peribadi;

- Memohon pembetulan Data Peribadi;
- Memohon pemadaman Data Peribadi;
- Memohon sekatan ke atas pemprosesan Data Peribadi;
- Memohon pemindahan Data Peribadi (data portability).

Anda juga berhak untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa penyeliaan tempatan anda bagi menyemak kesahihan pemprosesan Data Peribadi yang dijalankan.

Alamat Hubungan

Sekiranya anda mempunyai hubungan perniagaan secara langsung atau tidak langsung dengan kami (contohnya sebagai pelanggan, pembekal atau pembeli), anda boleh mengemukakan sebarang kebimbangan melalui pengurus akaun yang berkaitan, portal yang berkenaan atau saluran komunikasi lain yang telah digunakan sebelum ini. Banyak isu berkaitan perlindungan data seperti perubahan data induk, pengemaskinian data, pembetulan data yang tidak tepat atau pertanyaan berkaitan maklumat boleh diselesaikan sepenuhnya melalui saluran ini.

Sekiranya anda ingin membantah aktiviti komersial kami, anda boleh mengemukakan bantahan tersebut dengan mudah melalui alamat yang sama yang telah digunakan untuk menghubungi anda.

Sudah tentunya, anda juga boleh menghubungi pegawai perlindungan data kami melalui:

E-mel:
coface_dpo@coface.com

Alamat Pos:
Data Protection Office
1 Place Costes et Bellonte
92270 Bois-Colombes
Perancis (France)

Nota Kaki

[1] Compagnie française d'assurance pour le commerce extérieur (Coface) ialah sebuah syarikat berhad dengan modal berdaftar sebanyak EUR 137,052,417.05, yang beribu pejabat di 1 Place Costes et Bellonte, 92270 Bois-Colombes, Perancis, dan berdaftar dengan Daftar Perdagangan Nanterre (RCS) di bawah nombor B 552 069 791.

[2] Syarikat bersekutu (affiliate) merujuk kepada mana-mana entiti atau individu yang secara langsung atau tidak langsung: (i) mengawal; (ii) dikawal oleh; atau (iii) dikawal oleh entiti atau individu yang mengawal Compagnie française d'assurance pour le commerce extérieur.